

**EMBARGO
SEHINGGA UCAPAN
SELESAI**

TEKS UCAPAN

DATO' IR. HJ. BADIOEZAMAN BIN AB KHALIK

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH KERJA RAYA**

**BERSAMA
WARGA JABATAN KERJA RAYA**

**22 FEBRUARI 2024
9.00 PAGI**

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

-SALUTASI DISEDIAKAN BERASINGAN-

PENDAHULUAN

1. Segala puji-pujian kepada Allah Taala, selawat dan Salam kepada junjungan besar kita, Nabi Muhammad Salallahualaihi Wassalam. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah kerana dengan limpah dan rahmat-Nya jua kita masih diberi ruang dan peluang untuk meniti perjalanan di Tahun Baharu, 2024 serta berkesempatan untuk bersua muka sempena Majlis Amanat Ketua Pengarah Kerja Raya bersama warga JKR Malaysia pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mantan Ketua Pengarah Kerja Raya dan pihak pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menjalankan tugas sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya. Semoga dengan sokongan dan komitmen berterusan daripada tuan-puan semua dapat kita bersama-sama meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta membawa kejayaan demi kejayaan kepada Jabatan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada seluruh lapisan warga kerja JKR atas sumbangan, usaha dan dedikasi dalam memikul amanah dan menggalas tanggungjawab sepanjang tahun 2023.

3. Mengambil kesempatan di sini, saya juga bagi pihak warga kerja menzahirkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Ketua Pengarah Kerja Raya iaitu YBhg. Datuk Ir. Ahmad Redza Bin Ghulam Rasool dan mantan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkipli Bin Haji Nasri serta semua 153 orang warga JKR yang telah menamatkan perkhidmatan pada tahun 2023. Terima kasih di atas segala sumbangan, ilmu dan kepakaran serta pengalaman sepanjang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya. Jasa bakti yang dicurahkan sentiasa tersemat di sanubari warga JKR.

Amanat YB Menteri Kerja Raya dan Ketua Setiausaha Negara

4. Merujuk kepada amanat YB Menteri Kerja Raya pada 8 Februari yang lalu, YB Menteri ada menyebut mengenai **lima (5) inisiatif** Kementerian Kerja Raya yang telah dijadikan "*Pledge of Result*" di bawah Kerangka Strategi Malaysia MADANI (KSMM). Inisiatif ini adalah bagi memberikan ikrar dan komitmen untuk menambahbaik

keberkesanan dan kecekapan pengurusan infrastruktur berfokuskan kesejahteraan rakyat.

5. Rakyat mengenali JKR sebagai agensi teknikal utama Kerajaan yang melaksanakan pembangunan infrastruktur awam negara, menguruskan aset dan sebagai penasihat teknikal kepada kerajaan. Justeru, jabatan perlu terus komited dalam pelbagai aspek khususnya dalam penyampaian projek. Ini penting supaya setiap pelaksanaan projek perlu disegerakan serta peruntukan projek tersebut dapat dibelanjakan mengikut jadual. Saya percaya melalui penyampaian projek yang diuruskan dengan efisien, pasti hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat.

6. Kejayaan projek akan lebih bernilai apabila ianya dicapai bersama-sama dengan ahli pasukan projek. Oleh yang demikian, kerjasama pasukan projek dari pelbagai disiplin adalah amat penting. Dalam kita bersemangat untuk menyiapkan sesebuah projek, kita perlu juga mengambil kira dan memberikan perhatian serius dalam setiap perincian sesebuah projek terutamanya dari segi kontrak dan perolehan. Pemantauan projek akan lebih berkesan dengan adanya penekanan/kesegeraan terhadap penyelesaian isu oleh pasukan projek dan juga penglibatan bersama Pengurusan Atasan melalui tinjauan / lawatan turun padang yang lebih kerap.

7. Semua disiplin di semua peringkat pelaksanaan projek perlu memainkan peranan dalam memastikan sebarang kekangan/isu, masalah dapat diatasi dengan sebaik-baiknya. Setiap ahli pasukan perlu ada *ownership* terhadap projek di mana kita bersama-sama berusaha dan bertanggungjawab dalam memastikan projek kita berjalan lancar seterusnya berjaya disiapkan dalam tempoh masa, kos dan kualiti yang telah ditetapkan. Ini selaras dengan hasrat Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang disampaikan semasa Majlis Amanat beliau pada 13 Februari yang lalu. Tan Sri Dato' Seri KSN turut menyentuh kepentingan dan tanggungjawab penjawat awam dalam menggerakkan pembangunan negara. Tadbir urus yang baik, bertanggungjawab, ihsan, akauntabiliti dan fokus pada matlamat adalah lima (5) elemen The G.R.E.A.T. *Civil Service* yang menyumbang kepada aspirasi Malaysia MADANI.

8. Justeru, semua input dan komitmen ahli pasukan projek yang terdiri daripada semua disiplin adalah sangat penting bermula dari peringkat perancangan sehinggalah projek siap sepenuhnya. Kita semua adalah kunci kejayaan jabatan bak kata peribahasa melayu:

“Kuat lilit kerana simpulnya”,

“Kuat sepit kerana kempa”.

(Maksud: Orang yang menjadi kuat dalam sesuatu perkara kerana ada yang menolong atau menyokongnya dari belakang: <https://maksudperibahasa.com/kuat-sepit-kerana-kempa/>)

YBhg. Dato’/ Datuk/ Datin/ Tuan- Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

PENGHARGAAN

9. Baru-baru ini, Monsun Timur Laut (MTL) telah mengakibatkan bencana banjir besar melanda negara terutama di negeri Terengganu, Kelantan, Pahang dan Johor. Tahniah dan terima kasih kepada semua pegawai JKR yang telah bertungkus lumus memberikan perkhidmatan yang terbaik membantu masyarakat yang terkesan. Saya berharap semangat #JKRPrihatin ini diteruskan bagi memastikan keberadaan JKR sentiasa terpahat di hati rakyat.

BiGBen

10. Ekoran daripada lawatan YB Menteri Kerja Raya dan mantan YB Timbalan Menteri Kerja Raya ke BiGBen pada tahun lepas, secara automatiknya kefungisian dan kepentingan BiGBen adalah amat penting dalam penyampaian informasi berkaitan bencana kepada orang awam. Sehubungan dengan itu, satu peruntukan khas telah disalurkan bagi menaiktaraf Bilik Gerakan Bencana tersebut. Dengan adanya bilik Gerakan yang lebih kondusif ini, sudah pasti ianya dapat menyuntik semangat petugas BiGBen yang kita sedia maklum mereka bertugas secara *shift* (24 jam) mengikut peringkat operasi.

11. Hasil promosi yang berterusan sejak tahun 2021, Alhamdulillah BiGBen makin dikenali umum dan telah mempunyai nama (*brand*) yang tersendiri. Ingat bencana, Ingat BiGBen. Walau bagaimanapun, kita tidak hanya selesa dengan pencapaian ini,

kita perlu terus berusaha untuk memastikan ianya sentiasa menepati keperluan semasa terutama dalam kesegeraan capaian maklumat oleh orang awam. Tahniah dan terima kasih kepada cetusan idea dan pemikiran kritis dalam penambahbaikan keberkesanan penyampaian maklumat iaitu dengan mewujudkan *Facebook BiGBen*.

Pembinaan Jambatan Bailey.

12. JKR perlu sentiasa bersiap siaga dalam membantu kesulitan yang dihadapi oleh rakyat. Sebagai contoh, kita telah menggerakkan aset Jambatan Bailey ke lokasi-lokasi yang terputus hubungan akibat bencana seperti:

- i. Jambatan Bailey di Pulau Gadong Kampung Stulang Daeng, Melaka,
- ii. Jalan Persekutuan FT066, Jeli, Kelantan; dan
- iii. Jalan Persekutuan FT12, Pekan, Pahang

IMBASAN 2023

13. Kita juga bersyukur sepanjang perjalanan tahun 2023, jabatan berjaya menempa beberapa kejayaan dan pengiktirafan, antaranya:

- i. Jabatan berjaya mendapatkan kelulusan dasar pelaksanaan *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) atau Perakuan Penyiapan dan Pematuhan bagi projek konvensional dalaman oleh JKR di peringkat Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 14 Jun 2023. Saya difahamkan kita dalam proses menyediakan garis panduan pelaksanaan untuk dijadikan rujukan semua pihak yang terlibat kelak;
- ii. Dua (2) anugerah sempena Majlis Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara iaitu;
 - Mantan Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool telah diumumkan sebagai pemenang bagi kategori Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KKP Sektor Awam.
 - Menara Kerja Raya Blok G, JKR Malaysia turut dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

- iii. Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia pada tahun 2023 telah dilaksanakan dengan jayanya diketuai oleh Jawatankuasa Pengelola JKR Melaka. Dari Negeri Melaka, SOC 2024 bakal dianjurkan oleh JKR Negeri Selangor pula dengan tema “Kita JKR: Teguh Berdiri, Memenuhi Harapan”;
- iv. Dan sebagai penutup 2023, jabatan sekali lagi telah berjaya menganjurkan Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara, HPTN 2023. Dan julung kalinya dirasmikan secara fizikal oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim;

Pencapaian dan anugerah yang jabatan terima pada tahun 2023 adalah hasil usaha dan kerjasama seluruh warga kerja JKR. Terima kasih atas komitmen semua. Semoga kecemerlangan ini akan dapat diteruskan.

PRESTASI KPI JABATAN TAHUN 2023

14. Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian Pelan Strategik JKR telah mencapai peratusan 100% di mana kesemua 52 pengukuran telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

PRESTASI PROJEK TAHUN 2023

15. Pencapaian Prestasi Projek JKR Malaysia pada tahun 2023 adalah sepertimana berikut:

Status Projek Fizikal Pembinaan

16. Status projek fizikal pembinaan yang dilaksanakan oleh JKR sehingga 31 Disember 2023 adalah sebanyak 2,118 projek, pecahan status adalah seperti berikut:
 - i. 589 projek (28%) dalam peringkat pra-pembinaan; (RM22.68Billion)
 - ii. 772 projek (36%) sedang dalam pembinaan; dan (RM37.47Billion)
 - iii. 757 projek (36%) telah siap, dalam tempoh DLP. (RM18.63Billion)

Pencapaian SST 2023

17. Bagi tahun 2023, jabatan telah berjaya mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) sebanyak 315 projek dengan nilai RM5.515 billion. Saya difahamkan urus setia Lembaga Perolehan (LP) JKR telah berusaha menyelaras sebanyak 25 sidang LP. Manakala sebanyak 15 sidang LP peringkat kementerian juga telah dijalankan pada tahun 2023. Melalui pengeluaran SST, ia membantu menjana dan merencanakan ekonomi negara serta memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak urus setia LP di bawah penyelarasan CKUB, CPAB dan semua HOPT di atas komitmen utuh yang diberi untuk merealisasikan SST jabatan.

Pencapaian Projek Siap

18. Untuk tahun 2023 juga, sebanyak 182 projek telah berjaya disiapkan dengan nilai RM4.63 billion. Antara projek berimpak tinggi yang telah disiapkan adalah:

- a. Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) menerusi Pembukaan Jalan Lingkaran Tengah Utama Seksyen 5B dan sebahagian Seksyen 5A; (RM294.0 Juta)
- b. Projek flyover Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor, (RM195.8 Juta)
- c. Jambatan Sultan Nazrin Shah atau Jambatan Bagan Datuk; (RM446.9Juta)
- d. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan (FT003) dari Bandar Pekan ke Kampung Sungai Miang, Pekan, Pahang. (RM 406.4 Juta);
- e. Projek Kompleks Dewan Bedah, ICU Dan Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur (Reka Dan Bina) (RM198.0 Juta);
- f. Projek Penjara Lahad Datu, Sabah (RM200.0Juta)

STATUS PROJEK FIZIKAL PENYELENGGARAAN

Projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubahsuai dan Naiktaraf (PPUN)

19. Jabatan turut membantu Kementerian/agensi lain dalam melaksanakan Projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubahsuai dan Naiktaraf (PPUN). Berdasarkan data Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB) sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 9349 bilangan kerja yang dilaksanakan oleh JKR bernilai RM3.42 billion. Untuk makluman pecahan pelaksanaan PPUN adalah seperti berikut:

- i. Pra pembinaan - 25 bilangan
- ii. Pembinaan - 473 bilangan
- iii. Siap - 8,851 bilangan

PENCAPAIAN PELAKSANAAN BIM

20. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), sehingga 13 Disember 2023 sebanyak 296 projek dilaksanakan secara *Building Information Modelling* (BIM) di mana pecahannya adalah;

- i. 133 projek melalui konvensional dalaman;
- ii. 44 projek secara konvensional perunding; dan
- iii. 119 projek secara reka dan bina.

21. Dalam usaha memperkasakan pelaksanaan BIM, Alhamdulillah, Kementerian Kewangan (MOF) telah meluluskan penambahbaikan perolehan perkhidmatan peralatan komputer berspesifikasi tinggi beserta perisian BIM untuk semua projek JKR yang dilaksanakan secara adaptasi BIM LOD500.

22. Anugerah BIM JKR 2023 yang diadakan pada Oktober lepas juga telah berjaya mempromosikan adaptasi BIM di peringkat jabatan, industri dan akademik. Oleh itu, jabatan mensasarkan 80% projek bernilai RM10 juta dan ke atas dilaksanakan secara BIM pada tahun 2024. In sha Allah, saya yakin kita dapat mencapai sasaran tersebut dengan komitmen dan kerjasama padu semua warga kerja. Inisiatif ini secara asasnya menyokong dasar dan aspirasi jabatan dalam transformasi pendigitalan pengurusan aset menyeluruh.

PEROLEHAN KHAS SEKOLAH DAIF TAHUN 2023

23. Dalam usaha menggerakkan aspirasi Malaysia MADANI, kerajaan telah memperuntukan sejumlah peruntukan bagi pembangunan sekolah daif. Bagi menyegerakan pembangunan sekolah daif, *Special Task Force on Agency Reform* (STAR) telah ditubuhkan di bawah naungan Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk melihat semula peraturan dan tatakelola kerajaan agar pembangunan sekolah Daif dapat disegerakan. Sehubungan dengan itu, pasukan JKR Malaysia bersama-

sama STAR telah membangunkan kaedah perolehan khas bagi tujuan ini. Alhamdulillah, kaedah tersebut telah berjaya memendekkan tempoh pengeluaran SST.

24. Bagi tahun 2023, JKR telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan melalui KPM untuk melaksanakan projek pembinaan sekolah daif dengan anggaran peruntukan sebanyak RM105.5 Juta. Sebanyak 43 projek sekolah daif telah berjaya diiklankan dan 40 daripadanya telah berjaya dikeluarkan SST. Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Bangi, Selangor iaitu Projek rintis yang juga merupakan projek inisiatif di bawah STAR bernilai RM5.69juta telah berjaya disiapkan dalam tempoh 3 bulan. Majlis penyerahan kepada Kementerian Pendidikan telah pun disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 November 2023. Saya amat berharap agar baki 42 projek juga dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

PELAPORAN SUMBER MANUSIA 2023

25. Dalam merencanakan gerak kerja dan operasi jabatan, pembangunan modal insan amat penting dan menjadi pemangkin sesebuah kejayaan. Waran perjawatan yang diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia melibatkan semua skim perkhidmatan adalah sebanyak 10,449 perjawatan.

26. Saya difahamkan sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 86% iaitu 8,994 perjawatan telah diisi dengan baki kekosongan sebanyak 14% (1,455). Justeru, dengan kekuatan tenaga seramai 8,994 orang kakitangan untuk tempoh ini, kita perlu saling bersinergi dalam memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diterjemahkan dengan sebaiknya kepada pemegang taruh dan rakyat. Tidak kira dimana kita berkhidmat sama ada di ibu pejabat, negeri, daerah mahupun sebagai KADER di kementerian dan agensi, tugas perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Kita semua, warga jabatan perlu menjadi nadi dan agen penggerak dan saling melengkapi dalam usaha mencapai kecemerlangan.

Hadirin-hadirat sekalian,

TADBIR URUS JABATAN

27. Bagi memperkasa tadbir urus jabatan seiring dengan pemekatan ekonomi dan negara yang berdaya saing, pelbagai komponen perlu dilihat secara holistik untuk memastikan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan.

Pelaksanaan Kaedah Perolehan Bagi Menyegerakan Pelaksanaan Projek

CAKNA Rakyat Kerajaan

28. Perolehan Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih telah dikeluarkan pada 31 Mac 2023 merupakan arahan pelaksanaan kaedah perolehan baharu bagi tujuan menyegerakan pelaksanaan projek CAKNA RAKYAT. Arahan ini berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2023. Untuk makluman, permohonan kepada MOF bagi tujuan meneruskan pelaksanaan kaedah perolehan ini telah dikemukakan. Adalah diharapkan sekiranya ianya diluluskan, kaedah ini dapat membantu meningkatkan keberkesanan dan kesegeraan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pentauliahan, Pensijilan dan Kompetensi

29. Secara keseluruhannya, seramai 392 pegawai telah menerima pensijilan pelbagai disiplin melalui Program Pensijilan Kompetensi Teknikal 2023. Selain itu, Jawatan Kuasa Pengiktirafan Champion Amalan Terbaik Pengurusan Projek turut memperakui seramai 18 orang 'Champion' Pengurusan Risiko dan 14 orang 'Champion' Penjadualan Projek.

Penerbitan

i. Pelanjutan Tempoh Pelan Induk Cerun Negara (PICN)

30. Secara dasarnya, PICN merupakan punca kuasa serta sumber rujukan utama yang mengandungi Pelan Tindakan di antara agensi Persekutuan dan Negeri berkaitan pengurusan cerun negara. Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) telah diberi tanggungjawab selaku penyelaras utama kepada pelan induk ini. Bagi meneruskan

kesinambungan agenda nasional yang telah digariskan melalui PICN, ICSM telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh PICN selama tujuh tahun (2024-2030) selaras dengan komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

* *ICSM - Inter-Governmental Agency Committee for Slope Management*

ii. Penerbitan Buku Pentadbiran Kontrak Perkhidmatan Perunding

31. Jabatan melalui Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB) juga telah berjaya menerbitkan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Perkhidmatan Perunding. Buku panduan ini diterbitkan bertujuan memberi panduan mengenai tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak bagi perkhidmatan perunding fizikal yang merangkumi bidang Kejuruteraan, Arkitek, dan Ukur Bahan. Semoga dengan adanya buku ini, ia dapat menambahbaik tatacara seterusnya mewujudkan tadbir urus yang lebih baik dan teratur.

32. Saya sangat berharap agar perkongsian ilmu melalui penerbitan buku dapat diteruskan oleh setiap sektor dalam usaha membudayakan pendidikan sepanjang hayat. In shaa Allah, setiap bait tulisan akan memperolehi ganjaran berterusan dariNya.

Inovasi/ Inisiatif Jabatan

i. Pemantauan Sijil Kompetensi Kontraktor Kesihatan (SKKK)

33. Untuk makluman semua juga, Sijil Kompetensi Kontraktor Kesihatan (SKKK) telah mula dilaksanakan oleh jabatan bagi memastikan syarikat/kontraktor yang menyertai tender projek pembinaan fasiliti kesihatan terdiri daripada kumpulan kontraktor yang berkeelayakan serta mempunyai kemampuan teknikal dan kewangan yang baik.

34. Justeru, bermula Januari 2024 semua syarikat kontraktor Gred G7 CIDB yang ingin menyertai tender projek hospital dan fasiliti kesihatan perlu mempunyai SKKK yang sah. Ini merupakan inisiatif yang baik ke arah kualiti penyampaian projek fasiliti kesihatan seterusnya memenuhi ekspektasi dan kehendak kementerian pelanggan.

Pelaksanaan Sepenuhnya Sistem JKR E-Tender (Modul Reka Dan Bina)

35. Umum mengetahui sistem JET telah dibangunkan dengan hasrat untuk melaksanakan proses perolehan kerja secara atas talian sepenuhnya. Sistem JET juga telah berjaya merangkul Anugerah Inovasi semasa Quantity Surveying International Convention, QSIC 2023/2024 yang lalu. Tahniah saya ucapkan.

36. Justeru, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, pelbagai modul telah dan dalam proses pembangunan untuk diperluaskan fungsi. Penggunaan Sistem JKR E-Tender Modul Reka dan Bina dijangka akan dilaksanakan setelah pelaksanaan projek rintis dapat dikaji keberkesanannya.

Pengurusan Aduan

37. Pada tahun 2023, sebanyak 16,285 bilangan aduan awam telah diterima melalui 12 saluran rasmi aduan jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,313 (88%) aduan adalah di bawah tanggungjawab JKR manakala baki sebanyak 1,972 (12%) pula merupakan aduan yang bukan di bawah tanggungjawab JKR mengikut prinsip *No Wrong Door Policy* (NWD).

38. Pada bulan Ogos 2023 yang lepas, pelancaran aplikasi MyJalan telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri. Aplikasi ini merupakan aplikasi secara atas talian dan merupakan satu saluran tambahan kepada saluran rasmi aduan sedia ada.

Integriti

39. Dokumen Sistem Pengurusan Bersepadu (SPAR) menunjukkan jabatan amat komited untuk meningkatkan integriti, prestasi dan produktiviti melalui pembudayaan tadbir urus dan anti rasuah secara lebih berkesan.

40. Sebanyak 49 kesalahan telah dilaporkan sepanjang tahun 2023 melibatkan:

- i. tidak hadir bertugas dengan sengaja;
- ii. terlebih mengambil cuti rehat;
- iii. mengemukakan sijil cuti sakit palsu;

- iv. ke luar negara tanpa kelulusan ketua jabatan; dan
- v. keterhutangan kewangan yang serius atau pegawai diisytiharkan bankrap;

Kesalahan-kesalahan di atas dikategorikan sebagaimana berikut:

Kes	Bilangan
Disiplin	38
Jenayah	7
Mahkamah/SPRM	1
Salahlaku Projek	3
JUMLAH	49

41. Saya gusar melihat peningkatan kes integriti di kalangan warga kerja JKR. Untuk makluman, bagi tahun 2023 sebanyak 19 hukuman telah diputuskan termasuk **hukuman buang kerja sebanyak 8 kes**. Oleh itu, saya amat berharap agar kita bersama-sama membudayakan sifat amanah dan itqan (bersungguh-sungguh). Rasulullah S.A.W. juga sangat menekankan sifat amanah dan itqan dalam bekerja.

Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِيَهُ

“Sesungguhnya Allah S.W.T. mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh).”

Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Awsath (897)

Kakitangan yang berintegriti akan mempunyai tangkah laku yang baik dan tidak mudah terpengaruh dengan tingkah laku yang negatif seperti culas, mencuri, suka ponteng kerja, rehat lebih waktu dan lain-lain. Perkara ini akan memberi impak positif bukan sahaja kepada warga bahkan kepada jabatan.

Hadirin sekalian,

HARAPAN DAN WAY FORWARD

42. Sepanjang saya berkhidmat, saya akui terdapat pelbagai isu dan perkara luar jangka boleh berlaku dalam pelaksanaan projek. Pembelajaran secara teori semata-mata adalah tidak mencukupi, ia perlu bergerak seiring dengan pengalaman. Justeru, segala amalan terbaik, inovasi dan inisiatif pelaksanaan projek yang diusahakan oleh jabatan harus diambil cakna khususnya kepada pegawai-pegawai muda jabatan. Timbalah pengalaman, jangan malu bertanya dengan pegawai-pegawai *senior* dan belajar dengan rakan-rakan di sekeliling. Ini penting supaya setiap penyampaian projek dapat dilaksanakan dengan lancar.

“Hard work without talent is a shame, but talent without hard work is a tragedy”

- Robert Half

43. Walau pahit untuk ditelan, tetapi realitinya kita perlu mengambil segala kritikan sebagai teladan. Lakukanlah tugas dengan penuh dedikasi. Dengan setiap tohmahan yang dilemparkan, kita jadikan ianya pemangkin untuk terus membuktikan bahawa JKR kekal berdiri teguh dan berjuang demi pembangunan negara.

Pemantauan Projek : SKALA 2.0

44. Bagi menyahut inspirasi Pendigitalan Sektor Awam, JKR telah memperolehi kelulusan projek di bawah RP3, RMKe12 iaitu Pembangunan Sistem SKALA 2.0.

45. Sistem ini dijangka mula dibangunkan pada Mac 2024 dan dianggarkan boleh digunapakai sekitar November 2025. Oleh yang demikian, fungsi pelaporan projek menggunakan SKALA sedia ada dan Sistem J10 akan digantikan sepenuhnya dengan sistem ini. Semoga dengan adanya sistem ini, kita dapat membuat pemantauan projek dengan lebih berkesan.

Program Intervensi Penyampaian projek

46. Trend projek sakit adalah 3.44% pada tahun 2021, 3.79% pada tahun 2022 dan 3.29% pada tahun 2023. Adalah didapati terdapat penurunan 0.5% pada tahun 2023. Penurunan ini menunjukkan bahawa terdapat keberkesanan dalam pelaksanaan projek. Pencapaian ini turut dibantu dengan pemantauan yang tersusun dengan penggunaan teknologi/digital terkini.

TAHUN	BIL. PROJEK	BIL. PROJEK SAKIT	PERATUS
2021	639	22	3.44%
2022	686	26	3.79%
2023	730	24	3.29%

47. Saya dimaklumkan bahawa dalam usaha menangani isu/ masalah berkaitan pengurusan projek, pihak CPAB telah melaksanakan program intervensi yang mana melibatkan 71 projek untuk tahun 2023. Antara penemuan isu dan masalah adalah;

- a. Percanggahan reka bentuk antara disiplin (20%)
- b. Tiada pemantauan/ tindakan susulan daripada pasukan projek lanjutan daripada surat amaran dan peringatan yang dikeluarkan kepada kontraktor (19%)
- c. Percanggahan lukisan pembinaan dengan BQ (17%)
- d. Kelewatan membuat permohonan dan kelulusan EOT/APK/PHK (14%)
- e. Buku Harian Tapak Bina tidak lengkap dan tidak dikemaskini (12%)

48. Hasil daripada pasca program intervensi;

- a. Sebanyak 30 daripada 71 projek (42.3%) yang dinilai, menunjukkan peningkatan prestasi.
- b. 7 daripada 71 projek (10%) berjaya disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.
- c. Program Intervensi perlu dilaksanakan secara berterusan oleh Negeri dan Cawangan bagi membantu menangani masalah projek sakit.

49. Berdasarkan kepada trend kelulusan projek dalam RMK-12, dapat dilihat bahawa jabatan bakal menerima limpahan projek baharu yang semestinya menuntut kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih agresif. Justeru, dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik, jabatan melalui CDPK sedang dalam proses memohon kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pelantikan kakitangan secara *Contract For Service* (CFS).

50. Cadangan pelantikan CFS tersebut adalah berdasarkan kepada anggaran untuk mengimbangi beban tugas semasa dengan pertambahan projek baru bagi tempoh 3 tahun (2024 hingga 2026). Adalah diharapkan permohonan ini akan diluluskan oleh pihak JPA agar gerak kerja jabatan dapat diperkukuhkan lagi, sesuai dengan kehendak dan ekspektasi semasa.

Persepsi Rakyat

51. Melihat kepada arus perkembangan media sosial masa kini, bermacam-macam platform maya yang muncul. Di awal tahun 2000, hanya ada *Facebook*, disusuli dengan *Twitter*, *Instagram* dan sekarang ini yang makin popular adalah *Tik tok*. Lambakan media sosial ini ada positif dan negatifnya, bergantung kepada kita untuk menguruskannya.

52. Lantaran itu, jabatan kita sentiasa dihujani dan dikritik hebat secara terbuka oleh netizen melalui media sosial walaupun kita sedaya upaya menyediakan prasarana dan infrastruktur awam terbaik kepada rakyat dan negara. Kita tidak boleh kawal *posting* dan komen netizen di media sosial, justeru kita perlu berfikir cara atau kaedah terbaik untuk menanganinya. Apa yang kita perlu buat? Tak cukup kah dengan apa yang telah kita laksanakan? Fitrah manusia memang sentiasa tidak mudah berpuas hati.

53. Ini adalah cabaran getir untuk kita warga JKR dalam mendepani isu-isu seumpama ini. Tetapi, walau apa pun cabaran yang perlu ditempuhi, kita perlu menanganinya sebagai satu pasukan. Warga kerja perlu proaktif dan *extrovert* dalam menguar-uarkan aktiviti jabatan di media sosial. Ia perlu dilaksanakan secara menyeluruh sama ada di peringkat JKR daerah, negeri, cawangan dan ibu pejabat.

Kebersamaan kita dalam menyokong setiap posting ditunjukkan dengan kita bersama-sama *Like* dan *Share* supaya posting tersebut dapat disebar luas, seterusnya sampai kepada orang awam.

54. Dengan menguar-uarkan kejayaan jabatan, In sha Allah sedikit sebanyak, lama kelamaan persepsi negatif rakyat akan berkurang, seterusnya bertukar kepada persepsi yang lebih positif.

55. Saya dan semua TKP turut terlibat secara langsung bersama pasukan komunikasi rasmi jabatan dalam usaha menangani serta menguruskan persepsi/tohmahan orang awam melalui media sosial dan media massa. Dalam menguruskan persepsi ini, ianya tidak mudah dan cabarannya amat berbeza dengan cabaran pengurusan projek.

“Ibarat menarik rambut daripada tepung, rambut tak putus, tepung tidak berselerak”

SYILING PERINGATAN JKR 150 TAHUN

56. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum, duit syiling peringatan 150 Tahun JKR Malaysia telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri semasa sambutan HPTN 2023 yang lalu. Pengeluaran syiling ini hasil kolaborasi bersama Bank Negara Malaysia bagi menghargai sumbangan besar jabatan kepada pembangunan infrastruktur dan pemodenan negara. Saya difahamkan jualan duit syiling ini adalah terhad dan slot khas paparan montaj akan disiarkan selepas ini.

Saya berharap agar warga kerja tidak melepaskan peluang untuk memiliki duit syiling tersebut untuk dijadikan sebagai momento.

PESANAN BUAT WARGA BAGI TAHUN 2024.

57. Kita perlu pupuk sikap pemikiran kritis dalam mencari solusi terbaik dan memperkasakan kaedah penyampaian perkhidmatan jabatan, seiring dengan evolusi teknologi dan senario semasa. Kita jangan cepat rasa selesa dengan persekitaran dan cara kerja sedia ada. Kita perlu sentiasa bergerak ke hadapan dan perlu mempunyai keinginan untuk penambahbaikan. **“There is no room for contentment”**

58. Menjadi kewajipan kita semua warga kerja untuk bekerja dalam satu pasukan demi meningkatkan hasil dan kualiti perkhidmatan agar semua yang direncanakan mencapai tanda aras yang ditetapkan. Warga kerja adalah agen penggerak yang perlu sentiasa meneroka dan menguasai teknologi baharu, memperbanyakkan inovasi serta melengkapkan ilmu pengetahuan supaya dapat memperkasakan kualiti penyampaian, seiring dengan ekspektasi rakyat.

59. Hal yang dinyatakan tadi perlu dibudayakan oleh segenap lapisan warga kerja, baik di peringkat pengurusan & professional, mahupun pelaksana. Tidak dinafikan, Jurutera Daerah (JD) turut mempunyai peranan yang penting sebagai *mediator* dan barisan hadapan yang terlibat secara langsung dengan orang awam, sekaligus cerminan kepada jabatan.

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan- Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

PENUTUP

60. Akhir kata, besar harapan saya agar segala perancangan gerak kerja dapat dilaksanakan melalui pendekatan strategik, kreatif, inovatif dan pemikiran kritis agar penyampaian perkhidmatan jabatan dapat diterjemahkan sepertimana yang direncanakan. Marilah kita berusaha dan bertekad untuk meneruskan legasi kecemerlangan jabatan serta bekerja sebagai satu pasukan yang bersatu dan saling bersinergi di antara satu sama lain.

61. Sekali lagi, terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga JKR di atas komitmen, khidmat bakti dan daya usaha yang dicurahkan untuk jabatan sepanjang tahun 2023. Semoga langkah kita di tahun baharu, tahun 2024 diwarnai dengan aura positif.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaratuh.